

PERBANDINGAN PRODUKTIVITI BURUH TUKANG LEPA

HONG YET LEONG

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan ijazah Sarjana Muda Sains Pembinaan

Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

MAY, 2008

ABSTRAK

Produktiviti buruh adalah penting bagi industri pembinaan kerana sektor pembinaan adalah sektor yang berintensif buruh. Kos buruh lepa adalah lebih separuh daripada jumlah kos kerja lepa, jadi produktiviti buruh adalah penting untuk membuat anggaran kos dan masa penyiapan dengan lebih tepat dan penggunaan buruh yang produktif. Objektif kajian yang dilakukan adalah untuk membandingkan produktiviti buruh tempatan (buruh langsung) dengan buruh asing (buruh subkontrak) dalam kerja lepa di tapak bina dan mengenalpastikan faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan produktiviti objektif di atas. Kajian produktiviti dijalankan pada projek pembinaan perumahan di sekitar Manjung, Perak. Kaedah kajian yang digunakan bagi kajian yang berbentuk kuantitatif ini ialah melalui cerapan harian di tapak bina dengan menggunakan laporan panduan "*Procedures Manual For Collecting Productivity And Related Data Of Intensive Activities On Commercial Construction Projects*". Borang soal selidik digunakan sebagai alat pengumpulan data dan data dianalisis bagi mengenalpastikan faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan produktiviti. Objektif diatas dengan menggunakan kaedah *Likert Scale* dan indeks skala. Pemilihan responden adalah secara rawak daripada pihak pengurus tapak bina di sekitar Manjung, Perak dan Johor Bahru, Johor. Hasil daripada penemuan kajian ini, didapati bahawa terdapat perbezaan antara produktiviti buruh asing (subkontrak) dengan buruh tempatan (buruh langsung) di mana produktiviti buruh asing (subkontrak) yang mencatat 0.64MH/m² lebih tinggi berbanding dengan buruh tempatan (buruh langsung) yang hanya mencatat 0.76MH/m². Daripada kajian ini juga didapati faktor kualiti dan rekabentuk bangunan dalam kategori sangat mempengaruhi perbezaan produktiviti buruh tempatan (buruh langsung) dengan buruh asing (buruh subkontrak).

ABSTRACT

The worker's productivity is an important factor in construction due to its dependence on workers' intensity. Cost of the plaster labour is over half of the total cost for plastering. So the productivity of worker is an important factor for project cost and duration estimation and efficiency of man power usage. The objective of this study is to compare the productivity of local (direct) and foreign (sub labour) labour in project plastering works and define the factors affecting the difference between them. The productivity study was carried out within the construction project site around Manjung, Perak. The study method is through daily observation with a conduct report "*Procedures Manual For Collecting Productivity And Related Data Of Intensive Activities On Commercial Construction Projects*". The questionnaire was used as a tool for data collection and analysis for defining the factors affecting the different productivity by *Likert Scale and Index Scale*. The respondents are chosen randomly from construction site management team around Manjung, Perak and Johor Bahru, Johor. The results show a significant difference between productivity of local (direct) and foreign (sub labour) worker where the latter record 0.64MH/m² higher than former 0.76MH/m². In this study, found out the quality and building design categorise as the factor that extremely affecting the difference between productivity of local (direct) and foreign labor (sub labour)